



**ORANG ramai perlu lebih berhati-hati dengan tawaran pakej umrah pada harga murah.** – GAMBAR HIASAN

Pendakwaan terpaksa ditangguhkan ke 15 Januari

# Dua pengarah kes tipu umrah kena Covid-19

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN

**PUTRAJAYA** — Pendakwaan terhadap sebuah syarikat pengendali umrah serta dua pengarah syarikat itu di Mahkamah Majistret, di sini semalam atas pertuduhan gagal mematuhi perintah Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TPPM) terpaksa ditangguhkan ke 15 Januari ini.

Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin menetapkan tarikh itu selepas kedua-dua pengarah terbabit selaku orang kena saman (OKS) telah dijangkiti Covid-19.

Sepatutnya semalam, syarikat terbabit serta dua pengarahnnya berdepan dengan 63 pertuduhan gagal mematuhi perintah TPPM supaya memba-

yar balik duit kepada 21 mangsa yang menuntut wang lebih setengah juta ringgit.

Ketika prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Sophian Zakaria berkata, saman telah dikeluarkan pada 5 Januari lalu, namun kedua-dua OKS tidak dapat hadir kerana Covid-19.

Peguam Datuk Hanif Hassan yang mewakili kesemua OKS turut bersetuju dengan tarikh baharu yang ditetapkan.

Pada 8 Julai tahun lalu, media melaporkan lesen syarikat tersebut digantung selama enam bulan hingga 9 Januari tahun ini.

Ia selaras dengan Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482) di bawah subseksyen 8(1)(d) iaitu menjalankan perniagaan mengikut cara yang memudaratkan

kepentingan orang awam, industri pelancongan atau ekonomi negara.

Kemudian pada 23 November tahun sama, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dilaporkan memaklumkan, syarikat tersebut menggunakan duit jemaah kumpulan kedua dan ketiga bagi menampung kos jemaah umrah kumpulan pertama.

Tindakan itu dipercayai antara punca berlakunya kegagalan beberapa jemaah yang menggunakan khidmat syarikat tersebut untuk ke Tanah Suci.

Polis dilaporkan telah menerima sebanyak 399 laporan berkaitan dakwaan kes penipuan pakej umrah oleh syarikat terbabit dengan kerugian RM14.2 juta sejak Januari tahun lalu.